

## Keadilan Masyarakat dalam Islam

Langkah yang pertama yang telah dibuat oleh Islam ke arah keadilan masyarakat dalam Islam ialah menggalakkan manusia supaya bekerja dan menganggapnya sebagai satu daripada kewajipan-kewajipan berusaha menghapuskan pengangguran dan melarang minta sedekah dengan segala jenis-jenisnya melainkan mereka yang tidak bertenaga dan mereka yang mempunyai kekurangan jasmani yang tidak ada orang lain yang menanggungnya mereka.

(Ucapan Datuk Syed Ibrahim bin Umar Alsagoff Yang Dipertua Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah di dalam pembukaan forum "Keadilan Masyarakat Islam" baharu-baharu ini.)

### Dasar Keadilan Masyarakat:

Dasar keadilan masyarakat dalam Islam telah terdapat pada hayat Rasul Allah. Pada satu hari janda Ja'far ibn Abi Tālib *radīya Allahu 'anhu* telah datang bersama-sama putera-puteranya yang baharu sahaja kehilangan ayahanda mereka di medan pertempuran mengadukan hal kepada Rasulullah. Maka telah bersabda Junjungan kita, jangan bimbang, saya menanggung mereka dalam dunia dan akhirat. Rasulullah telah berkata demikian bukan dengan sifatnya sebagai Nabi tetapi sebagai sifatnya *walī al-amr* tatkala itu.

Khalifah-khalifah Rasulullah telah mengikut jejak langkah Baginda dan yang paling terkenal sekali dalam soal ini ialah Saiyidina 'Umar ibn al-Khaṭṭāb yang telah melaksanakan dasar keadilan masyarakat dalam bidang yang paling luas yang boleh pada masa itu dan telah mengaturkan seboleh-bolehnya pada zaman itu; dan selepas itu Saiyidina 'Alī ibn Abī Tālib *karam Allāh wajhah* telah meluluskannya. Di sini kita salinkan surat Saiyidina 'Alī kepada gabenornya di Mesir mengenai perkara ini:

"Takutlah akan Allah dan jaga

mereka yang paling miskin dalam masyarakat yang tidak mempunyai orang yang menolong mereka, orang-orang kafir, mereka yang berhajat dan mereka yang tertimpa kemalangan kerana di antara mereka yang tidak mempunyai satu sen pun. Kamu adalah bertanggungjawab atas mereka di hadapan Allah kerana Allah telah menyerahkan perkara kepada kamu. Berilah mereka daripada Baitul mal dan daripada wang jizyah di tiap-tiap negeri. Yang jauh menanti didahulukan pemberian kepadanya sebelum yang dekat. Hendaklah diberi kepada tiap-tiap seorang apa yang sepatutnya diterima olehnya, tidaklah menjadi satu alasan bagi kamu menolak daripada bertemu seorang dengan alasan tidak setaraf dengan kamu, tidak dimaafkan jika kamu mengabaikan perkara-perkara yang kecil dan memberi perhatian kamu kepada hanya perkara-perkara yang besar dari itu hendaklah jangan kamu menumpukan perhatian kamu kepada perkara-perkara besar sahaja. Ambil berat kepada mereka yang lemah yang tidak dapat membuat perhubungan dengan kamu. Pilihlah sesiapa yang bersifat merendahkan diri dan takutkan kepada Allah untuk menyampaikan kepada kamu kesulitan-kesulitan mereka yang

lemah, lebihkan perhatian kamu kepada mereka yang tidak mempunyai sesiapa yang menanggung mereka, anak-anak yatim, tunas-tunas yang masih saudaranya, mereka yang tidak tergamak untuk meminta sedekah. Tanggungjawab *'āmil* (orang yang ditugaskan memungut zakat) berat"

Surat Saiyidina 'Alī *karam Allāh wajhah*

bukan merupakan satu piagam sahaja bahkan satu perintah yang terus-terang dikeluarkan oleh *walī al-amr* kepada gabenor-gabenornya dilaksanakan kandungannya dengan lengkap.

Dalam surat ini terkandung beberapa asas-asas yang menjadi tunjang keadilan masyarakat dalam Islam yang mana tidak terdapat seumpunya mungkin hingga ke hari ini.

Keadilan masyarakat dalam Islam telah mencuba menguasai dan membasmi tiga bahaya yang dihadapi oleh orang-orang perseorangan.

1. Kelemahan jasmani yang melarang seseorang daripada bekerja kerana sakit atau tidak berkebolehan atau kerana tua.

Bersambung di muka 22